

Gaji baru kakitangan awam dilaksana mulai 1 Oktober 1988

SINGAPURA 15 Dis. — Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan penyalarsan gaji baru kakitangan awam kategori A, B dan C mulai 1 Oktober lalu dan tidak mulai 1 Januari tahun hadapan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah melaksanakannya lebih awal akan melibatkan bayaran tunggakan kira-kira \$80 juta untuk tiga bulan berkenaan.

Beliau menjelaskan kerajaan memilih 1 Oktober lalu untuk melaksanakannya kerana belanjawan negara dan segala urusan cukai berkuatkuasa pada tarikh itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu demikian kepada para wartawan Malaysia ketika ditemui di bilik hotel penginapannya petang ini.

Perdana Menteri yang dalam rangka

lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke sini, berkata keputusan berkenaan dibuat dalam mesyuarat kabinet Rabu lalu.

Meurutnya, kabinet membuat keputusan itu setelah menimbang beberapa faktor termasuk kedudukan kewangan dan alasan mengapa harus tuntutan pelaksanaan penyalarsan gaji baru itu dimulakan pada bulan Julai dan tidak tarikh lain.

"Kabinet juga memandang kesanggupan kakitangan kerajaan menerima tindakan-tindakan kerajaan masa ke-melesetan ekonomi," ujarnya.

Kepada satu soalan beliau memberitahu, keputusan berkenaan setakat ini belum disampaikan kepada pihak CUEPACS.

Kelmarin Presiden CUEPACS, En-

LIHAT MUKA 13

Gaji baru mulai 1 Oktober 1988

cik A. Ragunathan memberitahu satu sidang akhbar bahawa Perdana Menteri setuju untuk menimbang pelaksanaan penyelarasan gaji itu sekurang-kurangnya mulai 1 Julai, 1988.

Pihak Kcsatuan Sekerja Perkhidmatan Awam itu sebelum ini menuntut kerajaan melaksanakannya mulai 1 Januari, 1988.

Penyelarasan gaji yang melibatkan kenaikan \$110 bagi kategori A, \$85 bagi kategori B dan \$65 bagi kategori C pada mulanya dijadual dilaksanakannya mulai 1 Januari, 1989 sebagaimana pengumuman Menteri Kewangan Datuk Paduka Daim Zainuddin dalam ucapan belanjawannya pada 21 Oktober lalu.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang mula-

nya diminta mengulas apakah maksud 'reaksi positif' yang diberikannya kepada Ragunathan dalam pertemuan mereka pada 12 Disember lalu bahawa penyelarasan itu mungkin dilaksanakan mulai 1 Julai, 1988 berkata:

"Adalah biasa bila berjumpa kesatuan kita kata kita timbang dan bila kata timbang tidak bermaksud kita setuju dan tidak juga bermaksud kita tolak. Kita timbanglah."

Menyentuh tentang pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew tengah hari ini beliau berkata, antara lain mereka berbincang tentang kemungkinan

MAS menambah penerbangan ke Kuching melalui Singapura.

Ditanya apakah reaksi Encik Lee, beliau berkata, Perdana Menteri Singapura itu telah menyatakan kesediaannya untuk menimbang hak ini.

Selain dari itu katanya, beliau juga telah menerangkan tentang situasi politik di Malaysia.

Sementara itu di **Kuala Lumpur** Bernama melaporkan CUEPACS akan menyatakan pendirian rasmi pada Ahad berhubung keputusan kerajaan untuk membayar tunggakan tiga bulan mulai Oktober tahun ini bagi pelarasan gaji kira-kira 372,000 kakitangan awam.

Kongres meminta kerajaan membayar tunggakan enam bulan mulai 1

Julai tahun ini. Tarikh asal pelaksanaan pelarasan ialah 1 Januari tahun depan.

Presiden CUEPACS, A. Ragunathan memberitahu Bernama hari ini bahawa majlis kongres akan bermesyuarat pada Ahad untuk memutuskan pendiriannya ekoran keputusan kabinet itu.

Beliau berkata, kongres menerima berita berkenaan dengan 'perasaan yang bercampur-campur.'

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kabinet di Singapura hari ini bahawa tunggakan tiga bulan itu melibatkan \$80 juta perbelanjaan kerajaan.